



**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

# Allianz Car Warranty

Polisi

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## Waranti "Allianz Car Warranty"

BAHAWASANYA **Orang Yang Diinsuranskan** yang disebutkan dalam jadual **Waranti** melalui Cadangan dan pengisyiharan yang menjadi asas kontrak ini, telah memohon kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674 (735426V))** (selepas ini dirujuk sebagai "**Syarikat**") untuk perlindungan insurans yang dinyatakan di dalamnya dan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, telah membayar atau bersetuju untuk membayar kepada **Syarikat** premium sebagai balasan untuk perlindungan insurans bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

**MAKA DENGAN INI, WARANTI INI MENYAKSIKAN** bahawa sepanjang **Tempoh Waranti**, **Syarikat**, tertakluk kepada terma, pengecualian, peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung dan yang ditandakan pada **Waranti** ini, akan memberi pampasan kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, terhadap **Kerugian** kepada **Kenderaan Dinamakan** yang berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang kejadian yang berlaku dalam **Tempoh Waranti**, selaras dengan manfaat yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

### Bahagian 1 - Manfaat

1.1 Tertakluk kepada terma dan syarat dalam **Waranti** ini, sekiranya mana-mana **Komponen Dilindungi** bagi **Kenderaan Dinamakan** mengalami **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** dalam **Tempoh Waranti**, **Syarikat** akan membayar kepada **Pembaikei Diluluskan** kos membaiki **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** tersebut atau menggantikan **Komponen Dilindungi** yang berkaitan, jika berkenaan, sehingga **Had Tuntutan** dan tertakluk kepada **Had Polisi** serta syarat-syarat berikut:

- (a) kos buruh bagi kerja-kerja pembaikean atau penggantian akan dibayar mengikut kadar buruh (yang dinyatakan oleh **Pembaikei Diluluskan**) berdasarkan jumlah jam buruh yang ditetapkan untuk kerja-kerja pembaikean atau penggantian;
- (b) kos yang ditanggung bagi kerja diagnostik, pengukuran, pemprograman, isian semula dan pelarasan akan dibayar balik dengan syarat kerja-kerja tersebut berkaitan dengan pembaikean atau penggantian **Komponen Dilindungi**; and
- (c) kos mana-mana cukai nilai tambah berkaitan dengan **Komponen Dilindungi** atau kerja pembaikean/penggantian hanya akan dibayar jika kos tersebut benar ditanggung dan **Pembaikei Diluluskan** tidak layak untuk sebarang potongan cukai input.

Untuk mengelakkan keraguan, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab ke atas kos pembaikean mana-mana **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** atau penggantian **Komponen Dilindungi** yang berkaitan dalam **Tempoh Tanpa Tuntutan** bagi **Kenderaan Dinamakan** yang **Tempoh Waranti Kenderaan Pengeluar** telah tamat.

- 1.2 Komponen-komponen yang dilindungi di bawah **Waranti** ini adalah bergantung kepada **Pelan** yang telah dipilih seperti yang diisyiharkan kepada **Syarikat** oleh **Pemegang Polisi**.
- 1.3 Jika anggaran kos pembaikean sesuatu **Komponen Dilindungi** melebihi nilai unit gantian **Komponen Dilindungi** yang biasanya dipasang untuk **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** yang berkaitan, **Waranti** ini hanya akan melindungi kos unit gantian tersebut termasuk kos buruh berkaitan bagi kerja-kerja pembongkaran dan pemasangan tersebut sehingga **Had Tuntutan**.

- 1.4 Jika **Komponen Dilindungi** perlu diganti dan **Pemegang Polisi** memilih untuk menggunakan alat ganti baharu yang asli, **Syarikat** hanya akan menanggung kos alat ganti yang dikeluarkan oleh pengeluar peralatan asal ("OEM") atau alat ganti terpakai, dan sebarang kos tambahan melebihi harga produk OEM atau alat ganti terpakai hendaklah ditanggung oleh **Pemegang Polisi**.
- 1.5 **Waranti** ini tidak melindungi sebarang kerosakan atau kos tambahan yang timbul akibat kerja-kerja pembaikean atas mana-mana **Komponen Dilindungi** yang dilakukan secara tidak betul, dan dalam keadaan sedemikian, **Waranti** ini hanya akan menanggung kos seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 1.3 di atas, iaitu kos yang akan diperlukan untuk pembaikean profesional terhadap **Komponen Dilindungi** tersebut.

### Bahagian 2 – Kelayakan

- 2.1 **Kenderaan Dinamakan** adalah layak untuk perlindungan di bawah **Waranti** ini sekiranya syarat-syarat berikut dipatuhi:
  - (a) Melainkan dinyatakan sebaliknya, polisi motor yang berkaitan untuk **Kenderaan Dinamakan** mestilah diinsuranskan dengan **Syarikat**;
  - (b) **Tempoh Waranti Kenderaan Pengeluar** bagi **Kenderaan Dinamakan** mestilah telah tamat pada **Tarikh Pembelian**;
  - (c) Bacaan odometer **Kenderaan Dinamakan** pada **Tarikh Pembelian** mestilah dikemukakan kepada **Syarikat**;
  - (d) **Kenderaan Dinamakan** tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial; and
  - (e) **Pemegang Polisi** mestilah memastikan bahawa penyelenggaraan dan servis yang sewajarnya, termasuk sekurang-kurangnya enjin dan kotak gear, telah dijalankan ke atas **Kenderaan Dinamakan** dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum **Tarikh Berkuat Kuasa**.
- 2.2 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, umur **Kenderaan Dinamakan** akan dikira seperti berikut:  
Umur Kenderaan = Tahun **Tarikh Pembelian** – Tahun Pengilangan **Kenderaan Dinamakan**
- 2.3 **Kenderaan Dinamakan** mestilah tergolong dalam salah satu (1) kategori yang disenaraikan di bawah:
  - (a) **Kumpulan Pengeluar ("Make Group") :**
    - (i) Kumpulan A - Honda, Hyundai, Kia, Mazda, Mitsubishi, Nissan, Perodua, Proton, Subaru, Suzuki and Toyota
    - (ii) Kumpulan B - Ford, Chevrolet, Peugeot, Citroen, Renault, Volkswagen, Volvo, Audi, BMW, Lexus, Mercedes and MINI
  - (b) **Kategori Umur Kenderaan, Bacaan Odometer dan Kapasiti Enjin (CC):**
    - (i) Kriteria Tahap 1 ("Tier 1"):
      - Umur Kenderaan sehingga enam (6) tahun;
      - Bacaan Odometer tidak melebihi seratus enam puluh ribu kilometer (160,000km); and
      - Kapasiti Enjin (CC) tidak melebihi 3000 CC.
    - (ii) Kriteria Tahap 2 ("Tier 2"):
      - Umur Kenderaan sehingga dua belas (12) tahun;
      - Bacaan Odometer tidak melebihi dua ratus ribu kilometer (200,000km); and
      - Kapasiti Enjin (CC) tidak melebihi 3000 CC.

## Bahagian 3 – Pengecualian

- 3.1 **Waranti** ini tidak meliputi pembaikan atau penggantian komponen dan kos berikut:
- (a) cermin, penutup dan pencahayaan lampu utama, lampu belakang, lampu brek dan lampu isyarat berkelip;
  - (b) klac termasuk pelapik klac, bakul klac, klac jenis "slipper", pengawal klac dan kabel klac;
  - (c) cakera brek, pad brek, brek drum, penapis dan palam pencucuh;
  - (d) bateri, tali sawat pemacu, tali sawat bergigi, rantai pemacu, roda rantai, gigi roda, sistem pemacu tali sawat dan rantai;
  - (e) pelapik brek, kasut brek, galas hab;
  - (f) pelarasan dan pembetulan pada rangka dan bahagian pelapisan;
  - (g) tayar;
  - (h) sebarang kos yang tidak berkaitan secara langsung dengan pembaikan **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** pada **Komponen Dilindungi**, termasuk sebarang kos yang ditanggung untuk penundaan atau pemulihan **Kenderaan Dinamakan**, penginapan atau makanan akibat **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** pada **Komponen Dilindungi**, kos untuk penyewaan kereta gantian atau pampasan bagi kehilangan penggunaan atau sebarang kelewatan apa sekalipun; dan
  - (i) sebarang kos untuk alat ganti, komponen atau cecair operasi yang dijadualkan untuk penggantian disebabkan oleh usia, jangka hayat atau perbatuan pada masa **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** berlaku, kos pelarasan jajaran tayar, atau kos bagi kemas kini perisian atau pelepasan sistem
- 3.2 Selain itu, **Waranti** ini tidak meliputi sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti atau kos yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau menyumbang kepada atau timbul daripada atau akibat daripada keadaan berikut:
- (a) sebarang pengubhsuaian atau pengolahan kepada reka bentuk asal **Kenderaan Dinamakan** (contohnya, penukaran sistem pacuan atau teknologi pacuan alternatif) yang tidak diluluskan oleh pengeluar;
  - (b) penggunaan, pemasangan atau pengubhsuaian mana-mana alat ganti atau aksesori pihak ketiga yang tidak diluluskan oleh atau tidak mematuhi spesifikasi pengeluar, atau pengubhsuaian mana-mana komponen daripada spesifikasi asal pengeluar;
  - (c) penggunaan pelincir atau cecair operasi yang tidak diluluskan oleh pengeluar, telah tercemar, atau penggunaan bahan api yang tidak sesuai;
  - (d) kebocoran atau kehilangan pelincir atau cecair operasi, atau penggunaan bahan api yang tidak sesuai;
  - (e) penggunaan **Kenderaan Dinamakan** secara tidak wajar, penggunaan **Kenderaan Dinamakan** yang tidak mengikut piawaian pengeluar seperti yang dinyatakan dalam buku panduan pemilik, tempoh tidak digunakan yang berpanjangan, atau penggunaan secara berlebihan seperti melebihi beban gandar dan/atau beban treler yang dibenarkan oleh pengeluar;
  - (f) apabila **Kenderaan Dinamakan** digunakan dalam acara perlumbaan, pertandingan, rali, acara sukan permotoran atau latihan untuk acara tersebut, atau untuk aktiviti yang tidak dilesenkan;
  - (g) penggunaan mana-mana **Komponen Dilindungi** yang jelas memerlukan pembaikan, melainkan komponen tersebut telah diperbaiki secara sementara oleh profesional bertauliah sebelum **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** berlaku;
  - (h) pengoksidaan, kakisan atau kecacatan kemasukan air;
  - (i) kerosakan kepada **Komponen Dilindungi** yang disebabkan

- oleh atau berpunca daripada kemalangan (kejadian luaran yang mendadak dan terus memberi impak mekanikal ke atas **Kenderaan Dinamakan**);
- (j) perbuatan sengaja atau berniat jahat, terutamanya kecurian, penggunaan tanpa kebenaran, rompakan, vandalisme, penyelewangan atau sebarang perbuatan menjahat lain atau sebarang penggunaan yang melanggar undang-undang yang terpakai;
- (k) **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** yang disebabkan oleh atau melibatkan impak luaran secara langsung, seperti ribut, hujan batu, panahan petir, gempa bumi atau banjir;
- (l) kerosakan akibat kebakaran atau letupan;
- (m) pemuat melebihi had berat kenderaan yang ditetapkan untuk **Kenderaan Dinamakan** atau kerugian yang sepatusnya dilindungi di bawah polisi insurans kenderaan bermotor;
- (n) penyitaan **Kenderaan Dinamakan** atau campur tangan pihak berkuasa berdaulat lain;
- (o) sebarang bentuk perperangan, pencerobohan, revolusi, perang saudara, rusuhan awam, mogok atau keganasan/terorisme;
- (p) tenaga nuklear, radiasi nuklear atau bahan radioaktif;
- (q) gelombang tekanan yang disebabkan oleh kapal terbang atau peranti udara lain yang bergerak pada kelajuan sonik atau supersonik;
- (r) kerosakan kepada **Komponen Dilindungi** yang disebabkan oleh haiwan;
- (s) pengubhsuaian atau manipulasi data (penggodaman dan serangan siber);
- (t) ketidakteraturan kecil pada mana-mana **Komponen Dilindungi** yang tidak diiktiraf sebagai menjadikan kualiti atau fungsi **Kenderaan Dinamakan** atau **Komponen Dilindungi** seperti bunyi, getaran, kerosakan optikal, dan kecacatan yang hanya timbul di bawah operasi tertentu atau tidak teratur;
- (u) apabila **Kenderaan Dinamakan** tidak diselenggara mengikut keperluan penyelenggaraan pengeluar, penyalahgunaan atau penggunaan berterusan selepas kerosakan pada **Komponen Dilindungi** telah dikenal pasti;
- (v) tuntutan di mana **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** atau kerosakan yang menyebabkan **Kerosakan** tersebut telah wujud sebelum tamat tempoh **Waranti Kenderaan Pengeluar**;
- (w) **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** yang secara langsung disebabkan oleh kecacatan mekanikal atau struktur apabila pengeluar telah mengeluarkan notis panggilan semula untuk tujuan pembetulan kecacatan tersebut; dan
- (x) kerosakan pada komponen yang tidak dilindungi seperti yang dinyatakan dalam seksyen ini akibat daripada kerosakan pada **Komponen Dilindungi**

- 3.3 **Waranti** ini juga tidak memberikan sebarang perlindungan sekiranya **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** sepatusnya ditanggung ganti rugi oleh pihak ketiga dalam kapasiti mereka sebagai penanggung insurans, pengeluar, penjual, pengimport atau pembekal di bawah kontrak pembaikan, waranti berkanan atau kontraktual, atau sebarang komitmen waranti lain (termasuk sebarang komitmen atas dasar ihsan).

## Bahagian 4 – Syarat-Syarat

### 4.1 Perkhidmatan dan Penyelenggaraan

- (i) Sebarang janji temu bagi perkhidmatan dan penyelenggaraan sepanjang **Tempoh Waranti** hendaklah dilakukan di **Pembaiki Diluluskan** atau **Bengkel Francais**.
- (ii) **Kenderaan Dinamakan** mestilah disenggara mengikut jadual penyelenggaraan dan perkhidmatan yang ditetapkan dan disyorkan oleh pengilang, dengan kerja

dilakukan tepat pada masanya oleh **Pembaiki Diluluskan** atau **Bengkel Francais**. Semua rekod perkhidmatan dan invois bagi **Kenderaan Dinamakan** hendaklah disediakan kepada **Syarikat** apabila diminta.

- (iii) Jika odometer **Kenderaan Dinamakan** rosak atau diganti, perkara ini mestilah didokumenkan dengan betul oleh **Pembaiki Diluluskan** atau **Bengkel Francais** berserta kenyataan bacaan jarak sebenar pada waktu tersebut.
- (iv) **Kenderaan Dinamakan** mestilah diservis sekurang-kurangnya sekali setahun dan diservis mengikut keperluan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh pengilang **Kenderaan Dinamakan**.
- (v) Kempen panggilan balik oleh pengilang dan sebarang tindakan lain yang ditetapkan oleh pengilang bagi **Kenderaan Dinamakan** hendaklah dipatuhi pada setiap masa.
- (vi) Semua **Komponen Dilindungi** mestilah berada dalam keadaan berfungsi (bebas daripada sebarang kecacatan) sebelum perlindungan di bawah **Waranti** ini bermula.
- (vii) Jika terdapat maklumat tambahan yang diberikan yang boleh mempengaruhi pengalaman atau andaian di atas, **Syarikat** berhak untuk melaraskan premium bersih dengan sewajarnya.
- (viii) **Syarikat** berhak untuk mengubahsuai **Premium** yang perlu dibayar sekiranya manfaat program atau perlindungan yang dibangunkan dan dimuktamadkan di bawah **Waranti** ini berbeza daripada andaian asal **Syarikat**.

#### 4.2 Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma dan syarat **Waranti** ini selaras dengan apa yang perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang akan menjadi syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Syarikat** untuk membuat sebarang bayaran di bawah **Waranti** ini.

#### 4.3 Notis

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat mengikut **Waranti** ini oleh **Pemegang Polisi** atau wakil peribadi sah mereka dari segi undang-undang harus dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat**.

#### 4.4 Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting

Jika perlindungan di bawah **Waranti** ini disediakan berdasarkan mana-mana cadangan atau pengisyiharan yang tidak benar dalam apa juu aspek atau jika sebarang fakta material yang mempengaruhi risiko dinyatakan secara tidak betul di dalamnya atau ditinggalkan daripadanya atau jika Waranti ini telah diperolehi melalui sebarang salah nyata, atau penindasan atau jika sebarang pengisyiharan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, maka dalam mana-mana kes ini Waranti ini akan dibatalkan. Begitu juga, jika sebarang tuntutan yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang yang Diinsuranskan** adalah penipuan atau keterlaluan, perlindungan yang disediakan di bawah **Waranti** ini akan dibatalkan.

#### 4.5 Bayaran Premium

**Premium** yang perlu dibayar di bawah **Waranti** ini, seperti yang dimaklumkan oleh **Syarikat** kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dijelaskan kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh invois dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**. Sekiranya premium tersebut tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, **Waranti** ini atau **Sijil Waranti** yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan, akan terbatas secara automatik.

#### 4.6 Tuntutan

- (i) Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada salah satu **Pembaiki Diluluskan** **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kerugian berlaku.
- (ii) **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan dalam masa yang munasabah untuk pemeriksaan **Syarikat** dan bekerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjadikan tuntutan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**.

#### 4.7 Kajian Semula & Pindaan

- (i) **Syarikat** berhak untuk mengkaji semula terma-terma dan syarat-syarat **Waranti** ini dan sebarang pindaan tersebut hanya sah jika dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat** dan diendorskan atas **Waranti** ini.
- (ii) Sebarang pindaan akan berkuat kuasa dari pembaharuan **Waranti** yang seterusnya, dan **Syarikat** akan memberikan notis bertulis kepada **Pemegang Polisi** mengikut alamat terakhir yang direkodkan tiga puluh (30) hari sebelum sebarang pindaan berlaku.

#### 4.8 Penamatan

- (i) Penamatan oleh **Pemegang Polisi**
  - (a) Sekiranya **Waranti Induk** ini dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi**

Sekiranya **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Waranti Induk** ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh **Syarikat** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mengikut mana yang terdahulu. Sekiranya **Waranti Induk** ditamatkan, **Sijil Waranti** yang telah dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** menurut **Waranti Induk** sebelum penamatan **Waranti Induk** tersebut akan terus kekal berkuat kuasa dan akan tamat pada tarikh akhir **Tempoh Waranti** seperti yang dinyatakan dalam **Sijil Waranti** masing-masing. Tiada bayaran balik premium akan dibuat kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan.
  - (b) Sekiranya **Waranti** ini dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** yang juga pemilik berdaftar **Kenderaan Dinamakan**

Sekiranya **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Waranti** yang dikeluarkan kepadanya, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh **Syarikat** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mengikut mana yang terdahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, **Premium** yang dibayar berhubung dengan **Kenderaan Dinamakan** selepas tarikh penamatan **Waranti** tersebut akan dikembalikan kepada **Pemegang Polisi** secara prorata, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang **Tempoh Waranti** yang masih berkuatkuasa pada masa itu.
- (ii) Penamatan **Sijil Waranti** oleh **Orang Yang Diinsuranskan**

Sekiranya seseorang **Orang Yang Diinsuranskan** yang dilindungi di bawah **Waranti Induk** memberikan notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Sijil Warantinya**, penamatan

tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis tersebut diterima oleh **Syarikat** daripada **Orang Yang Diinsuranskan** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mengikut mana yang kemudian. Sekiranya premium telah dibayar bagi mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan **Sijil Waranti** individu **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut, **Premium** yang dibayar berhubung dengan **Kenderaan Dinamakan** selepas tarikh penamatan **Sijil Waranti** tersebut hendaklah dikembalikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** secara prorata, dengan syarat tiada sebarang tuntutan telah dibayar sepanjang **Tempoh Waranti** yang masih berkuatkuasa pada masa itu.

#### (iii) Penamatan oleh **Syarikat**

**Syarikat** boleh memberikan notis penamatan **Waranti** ini atau **Sijil Waranti** individu melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, di alamat terakhir yang diketahui sekiranya berlaku pelanggaran mana-mana kewajipan di bawah **Waranti** ini atau **Sijil Waranti**, selaras dengan Seksyen 4.4 (Penyataan Tidak Benar atau Penghilangan Fakta Material) atau menurut arahan pihak berkuasa pengawalseliaan atau kerajaan. **Syarikat** hendaklah menghantar notis penamatan tersebut melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, di alamat surat-menyerat terakhir yang diketahui di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh notis berkenaan.

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Waranti Induk** ini, mana-mana **Sijil Waranti** yang telah dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum penamatan **Waranti** ini akan terus kekal berkuat kuasa dan akan tamat pada tarikh akhir **Tempoh Waranti** seperti yang dinyatakan dalam **Sijil Waranti** masing-masing.

#### (iv) Penamatan Secara Automatik

##### (a) **Waranti Individu:**

**Waranti** ini yang dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** yang merupakan pemilik berdaftar bagi **Kenderaan Dinamakan** masing-masing akan luput/tamat pada jam 11.59 malam (waktu piawai Malaysia) pada **Tarikh Luput**.

##### (b) **Waranti Induk/Sijil Waranti:**

Melainkan diperbaharui untuk tempoh seterusnya seperti yang dipersetujui antara **Syarikat** dan **Pemegang Polisi**, **Waranti Induk** ini akan luput/tamat pada jam 11.59 malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir **Tempoh Waranti Induk** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti**. Walau bagaimanapun, **Sijil Waranti** yang telah dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum tamat tempoh **Waranti Induk** akan terus kekal berkuatkuasa dan akan tamat pada **Tarikh Luput** masing-masing seperti yang dinyatakan.

#### (v) Penamatan Sekiranya Berlaku Kerugian Keseluruhan atau Kecurian **Kenderaan Dinamakan**

Sekiranya **Kenderaan Dinamakan** mengalami kerugian keseluruhan atau dicuri semasa **Tempoh Warantinya** masih berkuat kuasa, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, boleh memberikan notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Waranti** yang dikeluarkan bagi **Kenderaan Dinamakan** tersebut. **Premium** yang telah dibayar berhubung dengan **Kenderaan Dinamakan** bagi tempoh selepas tarikh penamatan **Waranti** tersebut hendaklah dikembalikan

kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan, secara prorata dengan syarat **Syarikat** belum membuat sebarang bayaran tuntutan di bawah **Waranti** ini berkaitan dengan **Kenderaan Dinamakan** tersebut dan tertakluk kepada penerimaan oleh **Syarikat** dokumen bukti berkaitan kerugian keseluruhan atau kecurian **Kenderaan Dinamakan** tersebut. Penamatan akan berkuatkuasa pada tarikh notis penamatan diterima oleh **Syarikat** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mengikut mana yang terdahulu.

#### 4.9 Penjualan/ Pemindahan Pemilikan

Sekiranya pemilik **Kenderaan Dinamakan** telah melupuskan **Kenderaan Dinamakan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan, sama ada melalui penjualan atau pemindahan pemilikan, perlindungan di bawah **Waranti** ini bagi **Komponen Dilindungi Kenderaan Dinamakan** tersebut akan terus berkuat kuasa dengan syarat **Syarikat** diberikan dokumen yang berkaitan sebagai bukti penjualan atau pemindahan pemilikan **Kenderaan Dinamakan** tersebut.

#### 4.10 Had Wilayah

Perlindungan di bawah **Waranti** ini hanya diberikan kepada **Kenderaan Dinamakan** di mana-mana lokasi dalam Malaysia sahaja.

#### 4.11 Kewajipan Penzahiran

(i) **Kontrak Pengguna** (apabila **Waranti** ini dipohon untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi**)

**Waranti** ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap pembayaran **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Waranti** ini dan apa-apa pendedahan lain yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** antara masa permohonan **Waranti** ini dibuat dan masa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** dengan **Syarikat**. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku salah nyata sebelum kontrak mengenai jawapan atau pendedahan yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**, hanya remedii yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan terpakai.

(ii) **Kontrak Bukan Pengguna** (apabila **Waranti** ini dipohon bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi**)

**Waranti** ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap pembayaran **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Waranti** ini dan apa-apa pendedahan lain yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** antara masa permohonan **Waranti** ini dibuat dan masa kontrak ini dimeterai. Jawapan-jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Pemegang Polisi** dan **Syarikat**. Sekiranya terdapat salah nyata sebelum kontrak mengenai jawapan atau pendedahan yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**, ia boleh menyebabkan kontrak ditamatkan, tuntutan ditolak atau dikurangkan, termasuknya **Waranti** ini dibatalkan.

(iii) **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa

selepas kontrak **Waranti** ini dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan **Syarikat**, mana-mana maklumat yang diberikan bagi tujuan **Waranti** ini adalah tidak tepat atau telah berubah.

#### 4.12 Kebenaran Menggunakan Data Peribadi

- (i) **Pemegang Polisi** mewakili dan menjamin bahawa sekiranya dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuraskan** atau individu lain kepada **Syarikat**, **Pemegang Polisi** mempunyai kuasa untuk memberikan maklumat tersebut, telah memaklumkan kepada individu berkenaan mengenai tujuan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi tersebut serta pihak-pihak yang kepadanya maklumat peribadi tersebut boleh didedahkan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi** atau individu-individu tersebut bersetuju serta memberikan kebenaran bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi tersebut (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau semasa pentadbiran **Waranti** ini) selaras dengan Notis Privasi Syarikat seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di <https://www.allianz.com.my/personal/privacy-statement.html>.
- (ii) Peraturan Perlindungan Data Umum ("General Data Protection Regulation" atau "GDPR")  
Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuraskan** ingin melaksanakan hak-hak mereka di bawah GDPR, **Pemegang Polisi** hendaklah memaklumkan kepada **Orang Yang Diinsuraskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di alamat e-mel [privacy@allianz.com.my](mailto:privacy@allianz.com.my) bagi membolehkan **Syarikat** menilai dan mematuhi Undang-Undang Privasi EU - GDPR.

#### 4.13 Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa serta sebarang duti, cukai, levi atau bayaran lain (secara kolektif dirujuk sebagai "Cukai Berkenaan") diperkenalkan oleh mana-mana pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan sebarang pembekalan barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Waranti** ini, **Syarikat** berhak untuk mengenakan sebarang Cukai Berkenaan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan tersebut hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj lain yang dikenakan. Semua peruntukan dalam **Waranti** ini berhubung dengan pembayaran premium dan kegagalan pembayaran juga akan terpakai secara sama rata terhadap Cukai Berkenaan tersebut.

#### 4.14 Notis Sekatan Selaras dengan Piawaian Allianz Berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan, Pembiayaan Penyebaran Senjata dan Sekatan Kewangan Tertentu

**Syarikat** dari semasa ke semasa akan menjalankan saringan sekatan ke atas **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuraskan** serta mana-mana wakil peribadi, pemegang amanah, beneficiari dan individu lain yang layak untuk menuntut atau menerima apa-pula wang atau manfaat secara langsung atau tidak langsung di bawah **Waranti** ini, termasuk mana-mana pemilik beneficial. **Syarikat** tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau bertanggungjawab untuk memulangkan sebarang premium yang diterima, membayar sebarang tuntutan atau menyediakan sebarang manfaat di bawah **Waranti** ini sekiranya pemberian perlindungan, pemulangan premium, pembayaran tuntutan atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan **Syarikat** atau kaktangannya kepada sebarang risiko atau tindakan denda, hukuman, sekatan, larangan atau sekatan lain di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan dan ekonomi, undang-undang atau peraturan dari Malaysia, Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

#### 4.15 Undang-Undang yang boleh Dipakai

**Waranti** ini, dan semua hak, kewajiban dan liabiliti yang timbul di bawah ini, harus ditafsirkan dan ditentukan dan dapat dilaksanakan sesuai dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini. Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti patut dikemukakan untuk mendapatkan kembali atas **Waranti** ini sebelum berakhirnya enam puluh (60) hari setelah bukti tuntutan bertulis telah dipenuhi mengikut syarat **Waranti** ini.

### Bahagian 5 – Definisi

**Pembaiki Diluluskan** bermaksud pombaiki yang diberi kuasa dan terlibat dalam perniagaan menyediakan perkhidmatan pumbaikan atau penggantian yang berkaitan **Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** bagi **Komponen Dilindungi** yang berkaitan dengan **Waranti** ini, sebagaimana yang diluluskan oleh **Syarikat**.

**Had Tuntutan** bermaksud jumlah maksimum yang boleh dibayar oleh **Syarikat** bagi setiap tuntutan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan, dan termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST"). Jumlah maksimum adalah RM10,000 bagi setiap tuntutan dan RM50,000 secara agregat bagi setiap kenderaan.

**Komponen Dilindungi** bermaksud komponen mekanikal dan/atau elektrik bagi **Kenderaan Dinamakan** yang dinyatakan secara khusus dalam **Jadual Waranti** kecuali yang dinyatakan secara khusus sebagai pengecualian di bawah Bahagian 3 di atas.

**Tarikh Berkuat Kuasa** bermaksud tarikh perlindungan di bawah **Waranti** ini bermula seperti yang dinyatakan secara khusus dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan.

**Tarikh Luput** bermaksud tarikh perlindungan di bawah **Waranti** ini tamat seperti yang dinyatakan secara khusus dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan.

**Bengkel Francais** bermaksud bengkel pumbaikan yang merupakan sebahagian daripada rangkaian atau jenama yang lebih besar yang dimiliki oleh pemberi francais.

**Orang Yang Diinsuraskan** bermaksud pemilik berdaftar **Kenderaan Dinamakan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan, yang dikeluarkan oleh **Syarikat**.

**Waranti Kenderaan Pengeluar** bermaksud waranti asal bagi **Kenderaan Dinamakan** yang disediakan oleh pengeluar **Kenderaan Dinamakan** yang merangkumi komponen mekanikal dan elektrik kenderaan tersebut (tidak termasuk waranti tambahan seperti waranti tayar, bateri, kakisan dan penembusan, jika ada).

**Waranti Induk** bermaksud polisi yang dikeluarkan oleh **Syarikat** kepada **Pemegang Polisi** berkenaan **Waranti** ini untuk manfaat **Orang Yang Diinsuraskan** yang dibaca bersama dengan **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**.

**Tempoh Waranti Induk** bermaksud tempoh seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti** yang dikeluarkan selaras dengan **Waranti Induk**.

**Kerosakan Mekanikal atau Elektrikal** bermaksud kegagalan mengejut atau tidak dijangka bagi **Komponen Dilindungi** yang menjelaskan kefungsiannya **Komponen Dilindungi**, tidak termasuk sebarang kegagalan akibat **Haus dan Lusuh Normal**.

**Kenderaan Dinamakan** bermaksud kenderaan yang dinyatakan secara khusus dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan.



**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Tempoh Tanpa Tuntutan** bermaksud tempoh di mana bacaan odometer **Kenderaan Dinamakan** mencatatkan 500km pertama yang dilalui, dikira dari bacaan odometer pada **Tarikh Berkuat Kuasa**. Walau bagaimanapun, jika 500km tersebut dicapai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Berkuat Kuasa**, **Tempoh Tanpa Tuntutan** akan dianggap sebagai tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Berkuat Kuasa**.

**Haus dan Lusuh Normal** bermaksud pengurangan secara beransur-ansur dalam prestasi operasi sesuatu komponen, mengambil kira usia **Kenderaan Dinamakan** dan jumlah jarak yang telah dilalui serta termasuk kakisan dan karat.

**Pelan** bermaksud **Pelan** di bawah **Waranti** ini bagi **Komponen Dilindungi** seperti yang dinyatakan secara khusus dalam **Jadual Waranti**.

**Pemegang Polisi** bermaksud individu atau entiti korporat seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti**, mengikut mana yang berkenaan, kepada siapa **Waranti** ini telah dikeluarkan bagi tujuan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**.

**Had Polisi** bermaksud syarat-syarat di bawah mana perlindungan adalah sah. Jika **Kenderaan Dinamakan** layak untuk Tier 1 di bawah kategori Umur Kenderaan, Perbatuan dan Enjin CC (seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2.3), **Had Polisi** adalah dua belas (12) bulan dari **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi** atau apabila bacaan odometer mencapai seratus lapan puluh ribu (180,000) kilometer, mana-mana yang terdahulu. Jika **Kenderaan Dinamakan** layak untuk Tier 2 di bawah kategori yang sama, **Had Polisi** adalah dua belas (12) bulan dari **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi** atau apabila bacaan odometer mencapai dua ratus dua puluh ribu (220,000) kilometer, mana-mana yang terdahulu.

**Premium** bermaksud jumlah yang perlu dibayar kepada **Syarikat** sebagai premium bagi perlindungan berkaitan di bawah **Waranti** ini.

**Tarikh Pembelian** bermaksud tarikh perlindungan di bawah **Waranti** ini dibeli bagi **Kenderaan Dinamakan** seperti yang diisyiharkan kepada **Syarikat** oleh **Pemegang Polisi**.

**Waranti** bermaksud dokumen ini, **Jadual Waranti** atau **Sijil Waranti** yang menyatakan butiran manfaat termasuk maklumat **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan**, serta semua endorsan yang dilampirkan pada **Waranti** ini (jika ada).

**Sijil Waranti** bermaksud sijil yang dikeluarkan kepada pemilik berdaftar **Kenderaan Dinamakan** selaras dengan **Waranti** ini.

**Tempoh Waranti** bermaksud tempoh bermula pada **Tarikh Berkuat Kuasa** dan berakhir pada **Tarikh Luput** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Waranti**.

**Jadual Waranti** bermaksud jadual yang dilampirkan di sini.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

### Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.

Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

#### Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.



1 300 22 5542



customer.service@allianz.com.my



allianz.com.my

### Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad kami, dan sekiranya aduan anda berada di dalam skop FMOS serta had monetari pertikaian tidak melebihi RM250,000.

#### FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No. Syarikat: 200401025885)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur



03 2272 2811



fmos.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang FMOS, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

#### Secara Bertulis:

BNMLINK  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur

Tingkat 4 , Podium Bangunan AICB  
No. 10, Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

#### BNMLINK Office:

1 300 88 5465  
03 2174 1717 (Luar Negara)

03 2174 1515 (Faks)



bnm.gov.my (Laman Sesawang)  
bnm.gov.my/livechat (Live Chat)  
bnmlink.bnm.gov.my (Borang eLINK)

Untuk kunjungan fizikal, BNMLINK hanya menerima pelawat melalui janji temu sahaja. Orang ramai boleh membuat janji temu melalui Borang eLINK atau menerusi telefon.

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh FMOS atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)   AllianzMalaysia  [allianz.com.my](http://allianz.com.my)